

perbuatan dan usaha yang dilakukan oleh manusia melalui angota-anggota lain sekalipun. Kata orang Arab: *هذا مما عملته أيديهم* Maksudnya: Ini adalah antara perkara yang dilakukan oleh tangan-tangan mereka. Padahal perkara itu tidaklah dilakukan dengan tangan. Allah s.w.t. juga telah menggunakan perkataan tangan untuk menyatakan segala usaha yang dilakukan oleh manusia, meskipun ia dilakukan dengan anggota-anggota yang lain selain tangan. Lihat misalnya firman Allah di bawah ini:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٦٧﴾

Bermaksud: Telah nyata kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut disebabkan oleh apa yang dilakukan oleh tangan manusia; (nyatanya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan kepada mereka sebahagian dari akibat perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat). (ar-Ruum:41). Tentu sekalilah perbuatan buruk yang mereka lakukan itu tidak terhad dengan tangan semata-mata, tetapi Allah tetap menggunakan perkataan tangan sebagai isyarat kepada kebanyakan perbuatan manusia itu dilakukan mereka dengan tangan pada kebiasaannya (خرج مخرج الغالب).

⁷⁷ ال (Alif laam) pada perkataan المهاجر sama juga dengan yang terdapat pada perkataan المسلم sebelum ini. Hijrah itu terbahagi kepada dua bahagian. **Pertama:** Hijrah zahir. **Kedua:** Hijrah batin atau hakikat hijrah. Hijrah zahir ialah melarikan diri dari tempat yang seseorang tidak bebas mengamalkan ajaran-ajaran agama dan diganggu gugat serta terancam pula kerananya. Hijrah batin pula ialah meninggalkan apa-apa yang didorong oleh nafsu dan syaitan. Hadits di atas menggambarkan hakikat hijrah iaitu meninggalkan apa-apa yang dilarang Allah. Tujuan Nabi s.a.w. bersabda begini ialah empat perkara berikut: (1) Mengingatkan para sahabat yang telah berhijrah dari Mekah ke Madinah agar mereka tidak bergantung sepenuhnya kepada perpindahan dari Mekah ke Madinah itu semata-mata dan berpuas hati dengannya, walaupun jelas sekali kelebihanannya berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an dan hadits-hadits Baginda s.a.w. Apa yang dituntut daripada mereka seterusnya selepas berhijrah zahir itu ialah hijrah batin yang menghendaki seseorang menjunjung segala titah perintah Allah serta meninggalkan segala laranganNya. (2) Oleh kerana al-Qur'an dan hadits-hadits banyak sangat menyatakan kelebihan berhijrah, mungkin juga ia menimbulkan semacam kebanggaan dan gah di dalam hati para sahabat muhajirin. Maka sabda Rasulullah s.a.w. ini bertindak sebagai tazkiyah dan peringatan untuk mereka. Maksudnya ialah mereka tidak seharusnya berbangga dan bermegah-megah dengan anggapan amalan hijrah itu sahaja sudah lebih dari cukup untuk mereka. Justeru para sahabat muhajirin itu tetap dikehendaki melaksanakan tuntutan asal hijrah itu sendiri. (3) Sabda Baginda s.a.w. ini juga bermaksud menghiburkan hati umatnya yang tidak diberikan kesempatan berhijrah. Mereka mungkin orang-orang yang hidup sezaman dengan Rasulullah s.a.w. atau yang mendatang hingga ke hari kiamat. Ia benar-benar merupakan penawar kepada umat akhir zaman lantaran mereka juga masih tetap mendapat kelebihan dan keistimewaan berhijrah itu dengan semata-mata menjauhi segala larangan Allah. (4) Oleh kerana Rasulullah s.a.w. pernah bersabda selepas pembukaan Mekah: لَا هِجْرَةَ بَعْدَ الْفَتْحِ Bermaksud: "Tiada lagi hijrah selepas pembukaan Mekah." (Hadits riwayat Bukhari daripada Ibnu Umar). Mungkin terlintas di benak seseorang bahawa: (a) Selepas pembukaan Mekah sama sekali tidak akan ada lagi sebarang perpindahan kerana ugama. Jawabnya ialah keperluan berhijrah dari Mekah dan lain-lain tempat yang telah termasuk di bawah wilayah kekuasaan Islam itu sahaja yang tidak ada. Kerana di mana-mana pun masyarakat Islam sudah dapat mengamalkan ajaran Islam dengan bebas. Ia tidak menolak kemungkinan di mana akan berlaku kembali suasana yang mendorong umat Islam berhijrah demi menjaga kebebasan berugamanya di lain-lain tempat di dunia ini pada masa-masa akan datang. (b) Apabila hijrah

adalah lafaz (hadits) Bukhari.⁷⁸ Menurut (riwayat) Muslim, Abdullah bin 'Amar meriwayatkan, katanya: "Sesungguhnya pernah ada seorang lelaki bertanya Rasulullah s.a.w.: "Siapakah orang Islam yang terbaik?" Jawab Nabi s.a.w.: "Orang yang orang-orang Islam (lain) terpelihara daripada (kejahatan / gangguan) tangan dan lidahnya."⁷⁹

tiada lagi, maka peluang untuk mendapat pahala dan kelebihan hijrah juga akan tiada. Sabda Baginda s.a.w. di atas menjawab kemusykilan ini; Bahawa peluang untuk mendapat pahala dan kelebihanannya tetap ada. Apabila seseorang menjauhi larangan Allah, ia akan mendapat jenis pahala dan kelebihan yang pernah diperolehi para muhajirin yang telah berhijrah dari Mekah ke Madinah dahulu. Meskipun sifat pahala dan kelebihanannya tidaklah seratus peratus sama, namun ia dari jenis dan bentuk yang sama. Hadits riwayat 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash di atas apabila dianalisa, dapat di bahagikan kepada dua bahagian besar. Pertamanya: **الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ** (Orang Islam sebenar (muslim sejati) adalah orang yang orang-orang Islam (lain) terpelihara daripada (kejahatan / gangguan) lidah dan tangannya). Keduanya: **وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللَّهُ عَنْهُ** (Orang yang berhijrah sebenarnya adalah orang yang meninggalkan apa yang dilarang Allah). Inti sari bahagian pertamanya ialah muslim bukan sekadar nama gelaran untuk orang yang mengucap dua kalimah syahadah dan mengamalkan beberapa tatacara dalam upacara keagamaan semata-mata. Ia malah merupakan gelaran untuk orang yang memenuhi segala tuntutan agama Islam di sepanjang hayatnya. Muslim adalah seorang hamba Allah dalam erti kata yang sebenar-benarnya kerana memiliki kepercayaan dan cara hidup beragama yang sempurna. Kalau di satu pihak ia mempunyai hubungan yang baik dengan Allah, di pihak yang lain pula ia mempunyai hubungan yang mesra dan penuh kasih sayang dengan manusia di sekelilingnya. Ia seorang yang tenang, damai, berakhlak mulia, amanah, bertoleransi, bertimbang rasa, berfikiran luhur, mahukan kesejahteraan semua orang, bermaruah, mempunyai perjuangan dan matlamat hidup yang jelas serta tidak ditakuti dan dibimbangi sesiapa pun. Orang-orang Islam khususnya dan manusia keseluruhannya bukan sahaja terpelihara daripada kejahatan dan gangguannya, mereka malah menaruh kepercayaan penuh kepadanya terhadap nyawa, harta benda dan kehormatan mereka. Ia juga dipercayai sebagai seorang pejuang kebenaran dan penegak keadilan. Inti sari bahagian keduanya pula ialah ia memberikan huraian yang ringkas dan tepat untuk erti perkataan مهاجر. Sedia dima'lumi bahawa orang yang berhijrah itu ialah orang yang meninggalkan rumah tangga dan tanah airnya lalu menetap di negeri asing yang bukan merupakan tanah tumpah darahnya kerana Islam. Islam memang memandang tinggi terhadap pengorbanan seorang muhajir. Menurut Islam orang yang berhijrah kerana Islam itu selayaknya menerima ganjaran yang istimewa berupa syurga dan redha Allah yang berkekalan. Tetapi hadits ini memperkenalkan satu lagi bentuk hijrah yang berkait rapat dengan kehidupan setiap orang muslim di sepanjang zaman. Itulah dia hakikat hijrah yang dituntut setiap muslim mengamalkannya. Menjauhi segala perkara yang dilarang Allah kita melakukannya.

⁷⁸ Abu Daud, Nasaa'i, Ahmad dan Ibnu Hibbaan juga turut meriwayatkan dengan lafaz yang sama seperti yang diriwayatkan oleh Bukhari ini.

⁷⁹ Rasulullah s.a.w. sering kali memberi jawapan yang berbeza-beza kepada soalan yang sama atau hampir sama. Kenapakan berlaku begitu? Antara contohnya ialah: (1) 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash r.a. sendiri misalnya dalam satu riwayat yang lain bercerita: **أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الْإِسْلَامِ خَيْرٌ قَالَ تُطْعِمُ الطَّعَامَ وَتَقْرَأُ السَّلَامَ عَلَى مَنْ عَرَفْتَ وَمَنْ لَمْ تَعْرِفْ** Bermaksud: Bahawa

pernah seorang lelaki bertanya Nabi s.a.w.: “Apakah (ajaran / amalan) Islam yang paling baik?” Jawab Nabi s.a.w.: “Engkau memberi makan (kepada yang memerlukan) dan memberi salam kepada orang yang engkau kenali dan tidak engkau kenali. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, Nasaa’i, Ibnu Hibbaan, Ibnu Majah dan Baihaqi di dalam Syu’ab al-Imaan). (2) ‘Aaisyah r.a. meriwayatkan, katanya: *أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ أَيُّ الْعَمَلِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ قَالَ أَدْوَمُهُ وَإِنْ قَلَّ* Bermaksud: Bahawa Rasulullah s.a.w. pernah ditanya: “Apakah amalan yang paling disukai Allah?” Jawab Baginda s.a.w.: “Yang sentiasa dikerjakan walaupun sedikit.” (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad dan Abu Ya’la). (3) Abu Hurairah meriwayatkan, katanya: *أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ فَقَالَ إِيْمَانٌ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ قِيلَ ثُمَّ مَاذَا قَالَ حَجٌّ مَبْرُورٌ* Bermaksud: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. pernah ditanya (seseorang): “Apakah amalan yang paling afdhal / utama?” Jawab Rasulullah s.a.w.: “Percaya kepada Allah dan rasulNya.” Baginda ditanya lagi: “Kemudian apa?” Jawab Baginda lagi: “Berjihad di jalan Allah.” Rasulullah s.a.w. terus ditanya: “Kemudian apa?” Jawab Baginda s.a.w. seterusnya: “Haji yang mabrur (yang diterima Allah).” (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Tirmizi, Nasaa’i dan lain-lain). Jawapan kepada kemusykilan ini antara lainnya adalah seperti berikut: (1) Keperluan orang-orang yang bertanya itu berbeza-beza. Orang yang bertanya itu misalnya mempunyai ibu bapa yang perlu diuruskan kehidupannya, maka amalan yang paling utama dilakukannya ialah berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Kalau dia seorang yang jahil, maka belajarliah amalan yang paling afdhal untuk dirinya. Mungkin juga orang yang bertanya kurang mengambil berat tentang keselamatan orang lain, pada ketika itu wajar sekali Rasulullah s.a.w. menjawab seperti di dalam hadits di atas. (2) Kecenderungan, minat atau kebolehan dan kelayakan orang-orang yang bertanya berbeza-beza. Kepada seorang yang berani dan gagah perkasa, berjihadlah amalan yang paling baik dilakukannya. Kepada yang kaya raya pula, memberi makan kepada orang-orang yang memerlukan atau menyumbang harta benda di jalan Allahlah yang paling utama dibuatnya. (3) Masa atau tempat dikemukakan soalan tidak sama. Ketika perang atau negara diancam musuh, jihadlah amalan terbaik. Dalam masyarakat yang miskin dan susah pula, bersedekah adalah amalan yang paling afdhal. (4) Soalan difahami Nabi s.a.w. sebagai berkaitan dengan bahagian amalan yang tertentu, seperti yang berkaitan dengan tubuh badan semata-mata atau akhlaq dan budi pekerti semata-mata atau lain-lain lagi. Puasa misalnya adalah amalan yang paling baik dan paling berkesan dalam mendidik jiwa manusia. Ia merupakan satu amalan yang dapat menghiasi diri manusia dengan pekerti-pekerti yang luhur. (5) Jawapan Nabi s.a.w. bahawa amalan tertentu adalah paling baik dan utama mungkin juga mengambil kira anggota yang mengamalkan sesuatu amalan. Beriman kepada Allah dan rasul misalnya adalah sebaik-baik amalan hati. Bersedekah adalah amalan paling afdhal berkait dengan harta benda. Zikrullah adalah amalan lidah yang paling afdhal. Sembahyang pula misalnya adalah amalan yang melibatkan semua anggota badan yang paling utama dan paling istimewa. (6) Jawapan Nabi s.a.w. juga mungkin mengambil kira sudut pahala yang akan diperolehi seseorang. Bersembahyang fardhu yang lima pada waktu-waktu afdhalnya merupakan amalan yang paling besar pahalanya. Berterusan melakukan sesuatu amalan, walaupun dalam kadar yang sedikit tetap mendatangkan pahala yang banyak. Kerana itu ia adalah satu tabi’at dan kebiasaan yang paling disukai Allah. (7) Jawapan Nabi s.a.w. adakalanya mengambil kira tahap dan kedudukan sesuatu amalan pada pandangan agama. Sembahyang lima waktu misalnya adalah sesuatu yang difardhukan ke atas setiap orang Islam (fardhu ‘ain). Ia mempunyai kelebihan yang sangat banyak. Kedudukannya di sisi agama pula sangat tinggi. Dalam senarai rukun Islam ia merupakan yang kedua selepas syahadah. Berbuat baik kepada kedua ibu bapa pula adalah satu kewajipan dan salah satu bentuk kesyukuran yang diperintahkan oleh Allah di

٥- وَعَنْ أَنَسٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ

وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ - متفق عليه.

5- Anas r.a.⁸⁰ meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Tidak beriman seseorang daripada kamu⁸¹ selagi aku tidak lebih dicintainya daripada ayah dan anaknya⁸² dan manusia sekaliannya.”⁸³ (Bukhari-Muslim).⁸⁴

dalam al-Qur'an selepas diperintahNya manusia supaya mereka mensyukuriNya. Lihatlah firman Allah ini:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَتْأَ عَلَىٰ وَهْنٍ وَفَصَّلَهُ فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَىٰ الْمَصِيرِ ﴿٣١﴾

Bermaksud: dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga ke akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukur kepadaKu dan kepada kedua ibu bapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (kamu untuk menerima balasan). (Luqman:14). Berjihad untuk menegakkan agama Allah walaupun merupakan salah satu kewajipan umat Islam dan ia adalah satu amalan yang sangat tinggi kedudukannya di sisi agama, tetapi ia tidak wajib setiap masa. Kerana itulah kedudukannya terletak selepas bersembahyang pada waktunya dan berbuat baik kepada dua ibu bapa. Hakikat ini terbukti juga menerusi satu hadits yang diriwayatkan oleh 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash, kata beliau: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاسْتَأْذَنَهُ فِي الْجِهَادِ فَقَالَ أَحْيٍ وَالذَّكَ قَالَ نَعَمْ قَالَ فَبِيَهُمَا فَجَاهِدَ Bermaksud: Pernah Nabi s.a.w. didatangi seorang lelaki. Dia meminta izin kepada Baginda untuk keluar berjihad. Nabi s.a.w. bertanya (dia): “Adakah kedua ibu bapamu masih hidup?” Jawab lelaki itu: “Ya.” Maka bersabdalah Baginda: “Untuk mereka berdualah engkau berjihad (berkhidmat terlebih dahulu). (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, Nasaa'i, Tirmizi, Baihaqi, Thabaraani dan lain-lain). (8) Menurut Imam Thahaawi, amalan yang paling afdhal, paling baik dan paling disukai Allah bukan satu sahaja. Di bawahnya boleh termasuk sekian banyak afraad. Perkataan-perkataan ini bagaikan kulliyaaat yang terdapat di bawahnya beberapa afraad. Kerana itu tidak salah kalau Baginda s.a.w. memberikan jawapan-jawapan yang berbeda kepada soalan yang sama atau lebih kurang sama. (9) Mungkin juga shighah tafdhil yang digunakan di sini tidak dipakai dengan ma'na asalnya. Ia hanya menunjukkan kepada kelebihan sahaja tanpa membandingkan sesuatu dengan sesuatu yang lain. (10) Ada juga “ulama” berpendapat bahawa perkataan من telah dibuang sebelum perkataan أحب أفضل, atau خير dan sebagainya. Walaupun dibuang ia dikira seperti ada juga. Maka jawapan Rasulullah s.a.w. di dalam hadits Abi Umaamah ini الْعَمَلُ أَفْضَلُ قَالَ عَلَيْكَ بِالصَّوْمِ perlu ditaqdirkan misalnya dengan الْأَعْمَالُ أو الْأَعْمَالُ أَنْ تُلَازِمَ الصَّوْمَ (antara amalan yang paling afdhal ialah engkau selalu berpuasa).

⁸⁰ Nama dan salasilah keturunan beliau secara lengkap adalah seperti berikut: Anas bin Malik bin an-Nadhr bin Dhamdham bin Zaid bin Haram bin Jundab bin 'Aamir bin Ghunm al-Anshaari al-Khazraji an-Najjaari r.a. Anas bin Malik terkenal sebagai khadam Rasulullah s.a.w. Ibu beliau, Ummu Sulaim menyerahkan beliau kepada Rasulullah s.a.w. untuk menjadi khadam kepada Baginda s.a.w. ketika beliau berumur sepuluh tahun. Anas juga telah berkhidmat